

Penglibatan Ibu Bapa Dalam PdPR Di Rumah Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran (Parents Involvement In PdPR At Home Students With Special Learning Needs)

Amir Nordin Dollah^{1*}, Mohd Mokhtar Tahar¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*Pengarang Koresponden: papacibidi@gmail.com

Accepted: 15 March 2022 | Published: 1 April 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.23>

Abstrak: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui tahap penglibatan ibu bapa dalam PdPR di rumah Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran berdasarkan enam jenis penglibatan ibu bapa. Responden kajian merupakan ibu bapa murid berkeperluan khas dari empat buah sekolah rendah di negeri Melaka. Kajian tinjauan ini menggunakan sepenuhnya soal selidik dalam mendapatkan data dan kemudian dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS Versi 26. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisa frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan sememangnya memberi kesan yang positif kepada murid, ibu bapa dan guru. Model Joyce Epstein merupakan salah satu model yang menerangkan berkenaan penglibatan ibu bapa yang mengandungi enam konstruk iaitu kategori keibubapaan, kategori komunikasi, kategori kesukarelawanan, kategori pembelajaran di rumah, kategori kepemimpinan dan kategori kolaborasi dengan komuniti. Hasil kajian menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa berada pada tahap tinggi untuk tiga jenis penglibatan iaitu tanggungjawab keibubapaan, pembelajaran di rumah dan kolaborasi dengan komuniti manakala untuk komunikasi, kesukarelawanan dan kepemimpinan pula berada pada tahap sederhana tinggi. Hasil dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa berada pada tahap yang sederhana tinggi.

Kata kunci: penglibatan ibu bapa, PdPR, Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran, Model Joyce Epstein, tahap penglibatan

Abstract: This study was conducted to determine the level of parental involvement in PdPR at home for Students with Special Learning Needs based on six types of parental involvement. The respondents of the study are parents of students with special needs from four primary schools in the state of Melaka. This survey study made full use of questionnaires in obtaining data and then analyzed descriptively using SPSS Version 26. Descriptive analysis was used to analyze frequency, percentage, mean and standard deviation. Parental and community involvement in education has indeed had a positive impact on students, parents and teachers. The parental involvement model by Joyce Epstein is one of the models that describes the parental involvement that contains six constructs, namely parenting category, communication category, volunteerism category, home learning category, leadership category and community collaboration category. The results showed that the level of parental involvement was at a high level for three types of involvement, namely parenting responsibilities, home learning and collaboration with the community while for communication, volunteerism and leadership were

at a moderately high level. The results of the study as a whole show that the level of parental involvement is at a moderately high level.

Keywords: parental involvement, PdPR, Students with Special Learning Needs, Joyce Epstein's model, level of involvement

1. Pendahuluan

Menurut Blackmon (2008), penyertaan keluarga boleh menggalakkan pertumbuhan sosial, emosi, fizikal, akademik dan pekerjaan murid. Dari segi latihan pula, keluarga boleh membantu guru dalam memberikan latihan kemahiran kepada murid supaya berlaku kesinambungan tentang kemahiran yang dipelajari di sekolah dan dipraktikkan di rumah. Dengan itu, murid tersebut dapat menguasai bidang kemahiran dengan baik dan cepat. Blackmon (2008) juga berpendapat bahawa keluarga boleh terlibat secara langsung dalam memberikan latihan kepada anak-anak mereka bagi memastikan kemahiran yang dipelajari dapat diamalkan dan kekal dalam ingatan mereka.

Pandemik COVID-19 telah memberi pelbagai impak terhadap kesihatan, ekonomi, sosial, budaya, agama dan psikologi kepada semua lapisan masyarakat seluruh dunia termasuk Malaysia. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 telah mengubah rutin harian kehidupan rakyat Malaysia. Secara umumnya, pelaksanaan PKP merupakan satu tindakan kerajaan Malaysia untuk mencegah penularan pandemik COVID-19 dengan cara memutuskan rantaian COVID-19 terutamanya di kalangan pesakit yang dijangkiti daripada kontak yang tidak dikenali (Rozita, 2020). Semasa PKP, media sosial digunakan secara meluas di mana ianya menjadi medium utama rakyat Malaysia untuk melakukan kerja dari rumah, pengajaran dan pembelajaran, mendapatkan pelbagai maklumat terkini dan mengisi masa lapang.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dibangunkan dengan mengambil kira analisis, temubual, tinjauan dan kajian yang melibatkan panel pakar pendidikan negara dan antarabangsa, selain turut melibatkan pegawai di Kementerian, guru, pemimpin sekolah dan ibu bapa. Anjakan kesembilan dalam PPPM 2013-2025 adalah bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas. Kajian antarabangsa menunjukkan dengan jelas bahawa proses pembelajaran turut berlaku di luar sekolah, termasuk di rumah dan dalam komuniti.

2. Tinjauan Literatur

Kejayaan anak-anak bergantung sebahagian besarnya di atas penglibatan dan kerjasama sebenar ibu bapa dan penjaga. Sebahagian yang lain yang menentukan kejayaan mereka adalah penglibatan tenaga pendidik serta peluang-peluang yang disediakan di sekolah. Oleh kerana sebahagian besar masa membesar dan perkembangan mental, emosi serta kemahiran berlaku di peringkat perkembangan anak selepas lahir sehingga 5 tahun di rumah, peranan serta tanggungjawab keibubapaan dalam masa-masa penting ini sebenarnya adalah faktor penentu kejayaan mereka. Sama ada kesempatan ini digunakan oleh ibu bapa ataupun tidak, penggabungan tenaga guru dan ibu bapa atau penjaga dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat umur 0 hingga 5 tahun adalah kemestian yang bakal menjanjikan kejayaan yang lebih manis bagi mereka yang kurang upaya.

Diana Baumrind (1971, 1996), seorang pakar pendidikan keibubapaan berpendapat ibu bapa yang mengasuh dan mendidik anak mereka tidak patut menggunakan hukuman serta mengambil sikap suka menyendiri. Menurut kajian Baumrind, gaya asuhan keibubapaan merangkumi empat kategori, iaitu:

- a) Gaya autoritatif. Gaya asuhan keibubapaan ini mendorong anak mereka berdikari tetapi di bawah kawalan. Kanak-kanak di bawah gaya autoritatif ini biasanya kompeten dalam interaksi sosial dan menunjukkan penghargaan sendiri tinggi.
- b) Gaya autoriti. Gaya asuhan keibubapaan ini mengandungi ciri mengawal dan menghukum disamping anak mesti mematuhi semua arahan mereka tanpa tolak ansur. Kanak-kanak biasanya kurang kompeten dalam interaksi sosial, inferioriti kompleks, gagal memimpin dan kemahiran komunikasi lemah.
- c) Gaya cuai. Gaya asuhan keibubapaan ini merupakan ibu bapa kurang mengambil perhatian dan kurang terlibat dalam aktiviti anak mereka. Kanak-kanak ini biasanya kurang kompeten dalam interaksi sosial, kawalan sendiri lemah, tidak berupaya berdikari dengan memuaskan, dan kurang bermotivasi ke arah pencapaian cemerlang.
- d) Gaya manja. Gaya asuhan keibubapaan ini merupakan ibu bapa mengambil perhatian dan melibatkan diri mereka secara bersungguh-sungguh tetapi meletak hanya sedikit batasan terhadap tingkah laku anak mereka. Kebanyakan kali ibu bapa di bawah kategori ini tidak menghalang aktiviti anak mereka kerana mereka percaya dengan kombinasi sokongan material dan kekurangan batasan akan menjadikan anak mereka mempunyai keyakinan dan kreativiti. Akibatnya, di bawah gaya manja ini, kanak-kanak kurang mampu belajar kawalan tingkah laku diri.

Terdapat empat model yang diutarakan oleh Swap dalam Bauer & Shea (2004) tentang penglibatan ibu bapa ini:

- 1) Model melindungi
Model ini bermatlamat untuk mengurangkan konflik antara ibu bapa dengan para pendidik, khasnya dengan memisahkan fungsi kedua-dua mereka iaitu “melindungi” sekolah daripada campur tangan ibu bapa. Model ini menganggap bahawa ibu bapa membiarkan sekolah mewakili pendidikan anak-anak mereka dan sekolah bertanggungjawab terhadap pendidikan tersebut. Campur tangan daripada ibu bapa sangatlah terhad dan tidak terdapat struktur yang digunakan untuk penyelesaian masalah secara pencegahan.
- 2) Model transisi sekolah – ke – rumah
Model ini menggalakkan ibu bapa untuk menyokong objektif sekolah. Model ini menganggap bahawa ibu bapa wajar menyedari kepentingan harapan sekolah. Walau bagaimanapun dalam model ini, ibu bapa tidak dianggap sebagai rakan kongsi.
- 3) Model pengayaan kurikulum
Matlamat model ini adalah untuk mengembangkan kurikulum sekolah dengan melibatkan sumbangan daripada ahli keluarga. Ibu bapa dan pendidik dianggap bekerjasama untuk mengayakan objektif dan kandungan kurikulum. Hubungan mereka adalah berasaskan perasaan saling hormat-menghormati.
- 4) Model rakan kongsi pendidik – ibu bapa
Bagi model ini, matlamatnya adalah kerjasama antara ibu bapa dan pendidik untuk bekerjasama bagi memastikan kejayaan bagi semua kanak-kanak. Kedua-dua pihak mempunyai satu misi yang perlu bekerjasama. Ini merupakan perkongsian yang sebenar berdasarkan interaksi kerjasama antara ahli.

Hampir kesemua guru-guru dan pihak pentadbiran mahu melibatkan ahli keluarga pelajar dalam pendidikan mereka, namun kebanyakan ahli profesional tidak tahu cara untuk membina program yang positif dan produktif bersama ibu bapa. Perkara yang harus dilakukan oleh guru dan pihak pentadbir adalah sentiasa menggalakkan ibu bapa dan ahli keluarga pelajar yang lain untuk ikut serta dalam kehidupan persekolahan pelajar.

3. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian ialah kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan dipilih kerana ia lebih cepat, murah, efisien dan tepat dalam memperolehi maklumat sesuatu populasi. Soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Sampel kajian terdiri daripada 63 orang ibu bapa murid berkeperluan khas pembelajaran di empat buah sekolah dalam daerah Melaka Tengah, Melaka. Pemilihan sampel kajian dalam daerah Melaka Tengah ini adalah kerana penyelidik menumpukan perhatian kepada empat buah sekolah yang berada di lokasi bandar dan luar bandar dalam satu daerah sahaja. Sekolah ini dipilih kerana latar belakang ibu bapanya yang kebanyakan mempunyai latar belakang sosial yang hampir sama.

Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan set soal selidik yang terdiri daripada tujuh bahagian iaitu Bahagian A (Demografi responden), B (Kategori keibubapaan), C (Kategori komunikasi), D (Kategori kesukarelawanan), E (Kategori pembelajaran di rumah), F (Kategori kepemimpinan) dan G (Kategori kolaborasi dengan komuniti) bagi mendapatkan data kajian. Pembinaan soalan-soalan kajian ini turut mengambil kira maklum balas daripada pakar bidang bahasa dan rakan-rakan guru dalam bidang pendidikan khas. Skala Likert merupakan skala penarafan yang sering ditemui dalam kajian berbentuk kaji selidik. Penggunaan item soalan berbentuk pernyataan dan pemilihan jawapan melalui penggunaan Skala Likert yang bermula skala 1 hingga 5. Soalan kajian telah diadaptasi serta diubahsuai daripada kajian lepas yang telah digunakan oleh Aida (2016).

4. Dapatan Kajian

Jadual 1: Demografi Responden

Perkara	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Responden	Bapa	21	33.3
	Ibu	42	66.7
Umur	Bawah 24	0	0
	25 – 35 tahun	19	30.2
	36 – 45 tahun	31	49.2
	46 – 55 tahun	9	14.3
	56 tahun ke atas	4	6.3
Lokasi	Bandar	44	69.8
	Luar Bandar	19	30.2
Tahap pendidikan	Bukan Siswazah	44	69.8
	Siswazah	19	30.2
Pendapatan kasar	Bawah RM4850 (B40)	34	54.0
	RM4851 – RM10970 (M40)	29	46.0
	RM10971 ke atas (T20)	0	0
Bilangan anak dalam tanggungan	Seorang	5	7.9
	Dua – Tiga orang	37	58.7
	Empat – Lima orang	20	31.7
	Enam orang ke atas	1	1.6
	Peranti untuk PdPR	Telefon pintar	51

Data/Internet untuk PdPR	Tablet	3	4.8
	Laptop	9	14.3
	PC/Desktop	0	0
	Talian tetap di rumah (UNIFI/STREAMYX/MAXIS/LL)	43	68.3
	Data telefon (prepaid)	17	27.0
	Data telefon (postpaid)	3	4.8

Berdasarkan jadual 1, seramai 63 orang ibu bapa telah terlibat sebagai responden dimana seramai 21 (33.3%) ialah lelaki dan 42 (66.7%) lagi ialah perempuan. Didapati tiada ibu bapa yang berumur bawah 24 tahun iaitu 0 (0.0%) terlibat dalam kajian ini. Seramai 19 (30.2%) berumur 25 hingga 35 tahun, 31 (49.2%) berumur 36 hingga 45 tahun, 9 (14.3%) berumur 46 hingga 55 tahun dan 4 (6.3%) berumur 56 tahun ke atas. Seramai 44 (69.8%) ibu bapa tinggal di kawasan bandar dan 19 (30.2%) lagi tinggal di kawasan luar bandar. Seramai 44 (69.8%) ibu bapa mempunyai tahap pendidikan bukan siswazah dan 19 (30.2%) lagi mempunyai tahap pendidikan siswazah. Seramai 34 (54.0%) ibu bapa memperolehi pendapatan kasar bawah RM4850 (B40), 29 (46.0%) memperolehi pendapatan kasar RM4851 hingga RM10970 (M40) dan tiada ibu bapa yang memperolehi pendapatan kasar RM10971 ke atas (T20). Didapati 5 (7.9%) ibu bapa mempunyai seorang anak dalam tanggungan diikuti seramai 37 (58.7%) mempunyai 2 hingga 3 orang anak, 20 (31.7%) mempunyai 4 hingga 5 orang anak dan 1 (1.6%) mempunyai 6 orang anak dan ke atas. Seramai 51 (81.0%) ibu bapa menyediakan telefon pintar untuk kemudahan anak-anak mereka mengikuti PdPR diikuti 3 (4.8%) menyediakan tablet, 9 (14.3%) menyediakan laptop dan tiada langsung penggunaan pc/desktop digunakan untuk anak-anak mengikuti PdPR. Seramai 43 (68.3%) ibu bapa menyediakan data/Internet seperti Unifi/Streamyx/Maxis dan lain-lain untuk kemudahan anak-anak mereka mengikuti PdPR diikuti 17 (27.0%) menyediakan data telefon (prepaid) dan 3 (4.8%) menyediakan data telefon (postpaid) untuk anak-anak mengikuti PdPR.

Jadual 2: Tahap kategori keibubapaan

Bil.	Item	FREKUENSI (%)					Min	S.P	Tahap
		(TP)	(J)	(KK)	(K)	(SK)			
B1	Saya menyediakan ruang khas/meja/kerusi untuk anak belajar di rumah.	2 (3.2)	3 (4.8)	11 (17.5)	20 (31.7)	27 (42.9)	4.06	1.045	Tinggi
B2	Saya menyediakan telefon pintar/tablet/komputer/laptop/pencetak.	0 (0.0)	2 (3.2)	17 (27.0)	16 (25.4)	28 (44.4)	4.11	0.918	Tinggi
B3	Saya kurangkan gangguan bunyi bising dari radio/tv semasa anak saya sedang belajar di rumah.	1 (1.6)	1 (1.6)	13 (20.6)	19 (30.2)	29 (46.0)	4.17	0.925	Tinggi
B4	Saya akan memotivasikan anak saya terlebih dahulu sebelum PdPR.	0 (0.0)	3 (4.8)	12 (19.0)	23 (36.5)	25 (39.7)	4.11	0.882	Tinggi
B5	Saya menyediakan sarapan pagi untuk anak terlebih dahulu sebelum PdPR.	0 (0.0)	2 (3.2)	15 (23.8)	17 (27.0)	29 (46.0)	4.16	0.902	Tinggi
B6	Saya menyediakan kemudahan Internet/data Internet yang mencukupi untuk anak saya belajar secara atas talian di rumah.	1 (1.6)	2 (3.2)	11 (17.5)	19 (30.2)	30 (47.6)	4.19	0.948	Tinggi
Skor Min		4.13							
S.Piawai		0.752							
Interpretasi Skor Min		TINGGI							

Berdasarkan jadual 2, dapatan menunjukkan bahawa ibu bapa sangat memainkan peranan penting kewajipan keibubapaan mereka terhadap anak-anak semasa PdPR di rumah. Seramai 27 (42.9%) responden menyediakan ruang khas/meja/kerusi untuk anak belajar di rumah, 28 (44.4%) responden menyediakan telefon pintar/tablet/computer/laptop/pencetak untuk anak belajar di rumah, 29 (46.0%) responden mengurangkan gangguan bunyi bising dari radio/tv semasa anak sedang belajar di rumah, 25 (39.7%) responden akan memotivasikan anak terlebih dahulu sebelum PdPR, 29 (46.0%) responden menyediakan sarapan pagi untuk anak terlebih dahulu sebelum PdPR dan 30 (47.6%) responden menyediakan kemudahan Internet/data Internet yang mencukupi untuk anak belajar secara atas talian di rumah. Secara keseluruhannya, tahap peranan penting kewajipan keibubapaan berada pada tahap tinggi, iaitu purata min skor, $M=4.13$ & $SP=0.752$.

Jadual 3: Tahap kategori komunikasi

Bil.	Item	FREKUENSI (%)					Min	S.P	Tahap
		(STS)	(TS)	(AS)	(S)	(SS)			
C1 S7	Guru kelas menghubungi ibu bapa untuk memberitahu mengenai pencapaian akademik anak melalui telefon/whatsapp/telegram.	1 (1.6)	10 (15.9)	19 (30.2)	16 (25.4)	17 (27.0)	3.60	1.100	S. Tinggi
C2 S8	Guru subjek menghubungi ibu bapa untuk memberitahu mengenai kemajuan pembelajaran anak melalui telefon/whatsapp/telegram.	2 (3.2)	10 (15.9)	21 (33.3)	15 (23.8)	15 (23.8)	3.49	1.120	S. Tinggi
C3 S9	GPK PK/Penyelaras PPKI cepat menjawab pertanyaan daripada ibu bapa melalui telefon/whatsapp/telegram.	0 (0.0)	4 (6.3)	15 (23.8)	24 (38.1)	20 (31.7)	3.95	0.906	S. Tinggi
C4 S10	Pihak sekolah mengadakan perbincangan dengan ibu bapa mengenai prestasi anak dalam PdPR melalui telefon/whatsapp/telegram.	1 (1.6)	11 (17.5)	17 (27.0)	23 (36.5)	11 (17.5)	3.51	1.030	S. Tinggi
C5 S11	Pihak sekolah mengedarkan notis/makluman peristiwa/berita sekolah yang jelas/mudah dibaca melalui telefon/whatsapp/telegram.	0 (0.0)	1 (1.6)	10 (15.9)	23 (36.5)	29 (46.0)	4.27	0.787	Tinggi
C6 S12	Pihak sekolah menghubungi ibu bapa jika anak mempunyai masalah dalam pembelajaran/tingkah laku melalui telefon/whatsapp/telegram.	0 (0.0)	3 (4.8)	11 (17.5)	27 (42.9)	22 (34.9)	4.08	0.848	Tinggi
Skor Min		3.81							
S.Piawai		0.775							
Interpretasi Skor Min		SEDERHANA TINGGI							

Berdasarkan jadual 3, dapatan menunjukkan bahawa ibu bapa kurang dihubungi dan kurang berkomunikasi dengan pihak sekolah semasa PdPR di rumah. Seramai 17 (27.0%) responden

sangat setuju bahawa guru kelas menghubungi ibu bapa untuk memberitahu mengenai pencapaian akademik anak mereka melalui telefon/whatsapp/telegram semasa PdPR, 15 (23.8%) responden sangat setuju guru subjek menghubungi ibu bapa untuk memberitahu mengenai kemajuan pembelajaran anak melalui telefon/whatsapp/telegram semasa PdPR, 20 (31.7%) responden sangat setuju bahawa Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas/Penyelaras PPKI cepat menjawab pertanyaan daripada ibu bapa melalui telefon/whatsapp/telegram semasa PdPR. Seramai 11 (17.5%) responden sangat setuju pihak sekolah mengadakan perbincangan dengan ibu bapa mengenai prestasi anak dalam PdPR melalui telefon/whatsapp/telegram, 29 (46.0%) responden sangat setuju bahawa pihak sekolah mengedarkan notis, makluman peristiwa atau berita melalui telefon/whatsapp/telegram, 22 (34.9%) responden sangat setuju pihak sekolah menghubungi ibu bapa jika anak mempunyai masalah dalam pembelajaran/tingkah laku melalui telefon/whatsapp/telegram. Secara keseluruhannya, tahap komunikasi pihak sekolah dengan ibu bapa berada pada tahap sederhana tinggi, iaitu purata min skor, $M=3.81$ & $S.P=0.775$.

Jadual 4: Tahap kategori kesukarelawanan

Bil.	Item	FREKUENSI (%)					Min	S.P	Tahap
		(STS)	(TS)	(AS)	(S)	(SS)			
D1 S13	Saya sentiasa membantu guru yang mengajar anak dalam PdPR.	1 (1.6)	2 (3.2)	12 (19.0)	25 (39.7)	23 (36.5)	4.06	0.914	Tinggi
D2 S14	Saya sentiasa membantu guru dengan membimbing anak dalam PdPR.	2 (3.2)	0 (0.0)	13 (20.6)	26 (41.3)	22 (34.9)	4.05	0.923	Tinggi
D3 S15	Saya membantu guru dengan memotivasikan anak dalam PdPR.	1 (1.6)	3 (4.8)	17 (27.0)	23 (36.5)	19 (30.2)	3.89	0.952	S. Tinggi
D4 S16	Pihak sekolah meminta saya menjadi sukarelawan di PPKI.	6 (9.5)	9 (14.3)	20 (31.7)	18 (28.6)	10 (15.9)	3.27	1.181	S. Tinggi
D5 S17	Pihak sekolah meminta saya membantu guru dalam urusan akademik PPKI.	3 (4.8)	6 (9.5)	11 (17.5)	26 (41.3)	17 (27.0)	3.76	1.103	S. Tinggi
D6 S18	Pihak sekolah meminta saya membantu guru dalam urusan Kokurikulum PPKI.	6 (9.5)	8 (12.7)	17 (27.0)	23 (36.5)	9 (14.3)	3.33	1.164	S. Tinggi
Skor Min		3.72							
S.Piawai		0.777							
Interpretasi Skor Min		SEDERHANA TINGGI							

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa ibu bapa menyertai aktiviti kesukarelawanan yang di anjurkan oleh pihak sekolah semasa PdPR di rumah. Seramai 23 (36.5%) responden sentiasa membantu guru yang mengajar anak mereka dalam PdPR, 22 (34.9%) responden sentiasa membantu guru dengan membimbing anak mereka dalam PdPR, 19 (30.2%) responden membantu guru dengan memotivasikan anak mereka dalam PdPR. Seramai 10 (15.9%) responden sangat setuju pihak sekolah meminta ibu bapa menjadi sukarelawan di PPKI, 17 (27.0%) responden sangat setuju pihak sekolah meminta ibu bapa membantu guru dalam urusan akademik PPKI manakala hanya 9 (14.3%) responden sangat setuju pihak sekolah meminta ibu bapa membantu guru dalam urusan Kokurikulum PPKI. Tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti kesukarelawanan anjuran pihak sekolah berada pada tahap sederhana tinggi, iaitu purata min skor, $M=3.72$ & $S.P=0.777$.

Jadual 5: Tahap kategori pembelajaran di rumah

		FREKUENSI (%)					Min	S.P	Tahap
		SKALA PERSETUJUAN							
Bil.	Item	(TP)	(J)	(KK)	(K)	(SK)			
E1 S19	Saya membantu anak menyiapkan kerja sekolah.	0 (0.0)	0 (0.0)	17 (27.0)	19 (30.2)	27 (42.9)	4.16	0.827	Tinggi
E2 S20	Saya membantu anak merancang masa untuk membuat kerja sekolah dan tugas/projek khas.	6 (9.5)	3 (4.8)	10 (15.9)	20 (31.7)	24 (38.1)	3.84	1.260	S. Tinggi
E3 S21	Saya sentiasa menyemak kerja sekolah anak.	0 (0.0)	2 (3.2)	8 (12.7)	28 (44.4)	25 (39.7)	4.21	0.786	Tinggi
E4 S22	Saya boleh membantu/membimbing anak saya dalam mata pelajaran teras (BM, BI, Mt, Sains, PI).	0 (0.0)	0 (0.0)	8 (12.7)	29 (46.0)	26 (41.3)	4.29	0.682	Tinggi
E5 S23	Saya boleh membantu/membimbing anak saya dalam mata pelajaran elektif (PJ, Muzik, KH Kebun, KH Masakan).	0 (0.0)	1 (1.6)	8 (12.7)	31 (49.2)	23 (36.5)	4.21	0.722	Tinggi
E6 S24	Saya boleh membantu/membimbing anak saya dalam mata pelajaran Kemahiran Manipulatif/Pengurusan Diri.	0 (0.0)	3 (4.8)	10 (15.9)	24 (38.1)	26 (41.3)	4.16	0.865	Tinggi
Skor Min		4.14							
S.Piawai		0.681							
Interpretasi Skor Min		TINGGI							

Berdasarkan jadual 5, dapatan menunjukkan bahawa ibu bapa sangat melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran di rumah bersama anak-anak mereka semasa PdPR. Seramai 27 (42.9%) responden sentiasa membantu anak menyiapkan kerja sekolah, 24 (38.1%) membantu anak merancang masa untuk membuat kerja sekolah & tugas/projek khas, 25 (39.7%) sentiasa menyemak kerja sekolah anak, 26 (41.3%) boleh membantu/membimbing anak dalam mata pelajaran teras (BM, BI, Mt, Sains, PI), 23 (36.5%) responden boleh membantu/membimbing anak dalam mata pelajaran elektif (PJ, Muzik, KH Kebun, KH Masakan) dan 26 (41.3%) responden boleh membantu/membimbing anak dalam mata pelajaran Kemahiran Manipulatif/Pengurusan Diri. Tahap ibu bapa melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran di

rumah bersama anak mereka berada pada tahap tinggi, iaitu purata min skor, $M=4.14$ & $SP=0.681$.

Jadual 6: Tahap kategori kepemimpinan

		FREKUENSI (%)							
		SKALA PERSETUJUAN							
Bil.	Item	(STS)	(TS)	(AS)	(S)	(SS)	Min	S.P	Tahap
F1 S25	Pihak sekolah/guru memberikan bimbingan kepada saya cara untuk mengajar anak semasa PdPR.	0 (0.0)	3 (4.8)	19 (30.2)	27 (42.9)	14 (22.2)	3.83	0.834	S. Tinggi
F2 S26	Pihak sekolah/guru memberikan bimbingan kepada saya cara untuk membimbing anak menyiapkan tugas/projek khas semasa PdPR.	1 (1.6)	7 (11.1)	19 (30.2)	24 (38.1)	12 (19.0)	3.62	0.974	S. Tinggi
F3 S27	Pihak sekolah/guru memberikan bimbingan kepada saya cara untuk melatih anak menyertai pertandingan semasa PdPR.	0 (0.0)	4 (6.3)	15 (23.8)	29 (46.0)	15 (23.8)	3.87	0.852	S. Tinggi
F4 S28	Saya boleh menjaga anak saya dengan baik di rumah.	3 (4.8)	6 (9.5)	17 (27.0)	18 (28.6)	19 (30.2)	3.70	1.145	S. Tinggi
F5 S29	Saya boleh membantu guru dalam membina RPI anak saya.	4 (6.3)	6 (9.5)	14 (22.2)	28 (44.4)	11 (17.5)	3.57	1.088	S. Tinggi
F6 S30	Saya boleh memikul tanggungjawab sebagai YDP/NYDP/AJK dalam organisasi PPKI.	7 (11.1)	12 (19.0)	28 (44.4)	10 (15.9)	6 (9.5)	2.94	1.091	S. Rendah
Skor Min		3.58							
S.Piawai		0.745							
Interpretasi Skor Min		SEDERHANA TINGGI							

Berdasarkan jadual 6, dapatan menunjukkan bahawa seramai 14 (22.2%) responden sangat setuju bahawa pihak sekolah/guru memberikan bimbingan kepada mereka cara untuk mengajar anak semasa PdPR, 12 (19.0%) responden sangat setuju pihak sekolah/guru memberikan bimbingan kepada ibu bapa cara untuk membimbing anak menyiapkan tugas/projek khas

semasa PdPR, 15 (23.8%) responden sangat setuju pihak sekolah/guru memberikan bimbingan kepada ibu bapa cara untuk melatih anak menyertai pertandingan semasa PdPR. Seramai 19 (30.2%) ibu bapa boleh menjaga anak dengan baik di rumah, 11 (17.5%) responden boleh membantu guru dalam membina RPI anak mereka dan 6 (9.5%) responden boleh memikul tanggungjawab sebagai YDP/NYDP/AJK dalam organisasi PPKI. Secara keseluruhannya, tahap peranan kepemimpinan yang dimainkan oleh ibu bapa berada pada tahap sederhana tinggi, iaitu purata min skor, $M=3.58$ & $S.P=0.745$.

Jadual 7: Tahap kategori kolaborasi dengan komuniti

Bil.	Item	FREKUENSI (%)					Min	S.P	Tahap	
		(STS)	(TS)	(AS)	(S)	(SS)				
G1 S31	Pihak sekolah melibatkan kerjasama ibu bapa dalam menyediakan RPI murid.	0 (0.0)	5 (7.9)	16 (25.4)	28 (44.4)	14 (22.2)	3.81	0.877	S. Tinggi	
G2 S32	Pihak sekolah melibatkan kerjasama ibu bapa dalam pembangunan prasarana kelas PPKI.	1 (1.6)	2 (3.2)	11 (17.5)	31 (49.2)	18 (28.6)	4.00	0.861	S. Tinggi	
G3 S33	Pihak sekolah melibatkan kerjasama ibu bapa dalam program peningkatan akademik PPKI.	1 (1.6)	0 (0.0)	16 (25.4)	31 (49.2)	15 (23.8)	3.94	0.801	S. Tinggi	
G4 S34	Pihak sekolah menjalinkan hubungan yang mesra dan kerjasama yang baik dengan ibu bapa.	1 (1.6)	1 (1.6)	9 (14.3)	25 (39.7)	27 (42.9)	4.21	0.864	Tinggi	
G5 S35	Pihak sekolah sentiasa bekerjasama dan membantu ibu bapa.	0 (0.0)	1 (1.6)	7 (11.1)	27 (42.9)	28 (44.4)	4.30	0.733	Tinggi	
G6 S36	Pihak sekolah menganggap ibu bapa sebagai rakan baik.	0 (0.0)	0 (0.0)	10 (15.9)	26 (41.3)	27 (42.9)	4.27	0.723	Tinggi	
Skor Min		4.08								
S.Piawai		0.629								
Interpretasi Skor Min		TINGGI								

Jadual 7 di atas menunjukkan bahawa ibu bapa sangat melibatkan diri dalam kolaborasi dengan komuniti. Seramai 14 (22.2%) responden sangat setuju pihak sekolah melibatkan kerjasama ibu bapa dalam menyediakan RPI murid, 18 (28.6%) responden sangat setuju pihak sekolah melibatkan kerjasama ibu bapa dalam pembangunan prasarana kelas PPKI, 15 (23.8%) responden sangat setuju pihak sekolah melibatkan kerjasama ibu bapa dalam program

peningkatan akademik PPKI, 27 (42.9%) responden sangat setuju pihak sekolah menjalinkan hubungan yang mesra dan kerjasama yang baik dengan ibu bapa, 28 (44.4%) responden sangat setuju pihak sekolah sentiasa bekerjasama dan membantu ibu bapa dan 27 (42.9%) responden sangat setuju pihak sekolah menganggap ibu bapa sebagai rakan baik mereka. Secara keseluruhannya, tahap ibu bapa melibatkan diri dalam kolaborasi dengan komuniti setempat berada pada tahap tinggi, iaitu purata min skor, $M=4.08$ & $SP=0.629$.

Jadual 8: Tahap enam kategori penglibatan

Bil.	Jenis penglibatan	Sub Item	Purata Min	S.P	Tahap
1.	Kategori keibubapaan	6	4.13	0.752	Tinggi
2.	Kategori komunikasi	6	3.81	0.775	Sederhana Tinggi
3.	Kategori kesukarelawanan	6	3.72	0.777	Sederhana Tinggi
4.	Kategori pembelajaran di rumah	6	4.14	0.681	Tinggi
5.	Kategori kepemimpinan	6	3.58	0.745	Sederhana Tinggi
6.	Kategori kolaborasi dengan komuniti	6	4.08	0.629	Tinggi
Skor Min		3.91			
S.Piawai		0.539			
Interpretasi Skor Min		SEDERHANA TINGGI			

Berdasarkan jadual 8, dapatan menunjukkan bahawa kategori yang paling tinggi semasa PdPR adalah pembelajaran di rumah berdasarkan nilai min yang tertinggi ($min=4.14$, $SP=0.681$), keibubapaan memperoleh min 4.13 ($SP=0.752$) dan kolaborasi dengan komuniti memperoleh min 4.08 ($SP=0.629$). Namun demikian, kategori yang paling sederhana tinggi dalam pembelajaran anak semasa PdPR adalah komunikasi berdasarkan nilai min yang sederhana tinggi ($min=3.81$, $SP=0.775$) diikuti kesukarelawanan memperoleh min 3.72 ($SP=0.777$) dan akhir sekali kepemimpinan memperoleh min 3.58 ($SP=0.745$). Tahap penglibatan ibu bapa murid berkeperluan khas dengan sekolah semasa PdPR berada pada tahap sederhana tinggi, iaitu purata min skor, $M=3.91$ & $S.P=0.539$.

5. Perbincangan

Kategori keibubapaan

Tahap ibu bapa memainkan peranan penting kewajipan keibubapaan mereka terhadap anak adalah tinggi. Ibu bapa sangat memenuhi kewajipan mereka untuk menyediakan segala kemudahan yang diperlukan oleh anak-anak semasa PdPR di rumah dengan sebaik mungkin. Selain itu, ibu bapa juga mengurangkan gangguan bunyi bising semasa anak-anak sedang belajar di rumah, memotivasikan anak-anak mereka terlebih dahulu sebelum PdPR dan menyediakan sarapan pagi untuk anak-anak terlebih dahulu sebelum PdPR. Majoriti ibu bapa sangat mementingkan kemudahan dan keperluan anak-anak untuk mengikuti aktiviti PdPR di rumah.

Kategori komunikasi

Tahap ibu bapa berkomunikasi dan berhubungan dengan pihak sekolah adalah sederhana tinggi. Didapati bahawa guru kelas dan guru subjek ada menghubungi ibu bapa untuk memberitahu mengenai pencapaian akademik, kemajuan pembelajaran & masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka semasa PdPR di rumah. Selain itu, segala pertanyaan yang diajukan oleh ibu bapa akan segera dijawab oleh pihak sekolah dan pihak sekolah sentiasa memaklumkan peristiwa atau berita sekolah untuk pengetahuan ibu bapa.

Kategori kesukarelawanan

Tahap ibu bapa terlibat dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawanan yang dianjurkan oleh pihak sekolah adalah sederhana tinggi. Didapati bahawa ibu bapa sentiasa membantu guru, membimbing dan memotivasikan anak-anak mereka semasa PdPR di rumah tetapi ibu bapa dilihat kurang melibatkan diri dalam program aktiviti kesukarelawanan yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Hal ini mungkin disebabkan oleh kesibukkan ibu bapa yang keluar bekerja mencari rezeki untuk keluarga masing-masing.

Kategori pembelajaran di rumah

Tahap ibu bapa melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti pembelajaran di rumah bersama anak mereka adalah tinggi. Majoriti ibu bapa sentiasa membantu anak mereka menyiapkan kerja sekolah, membantu anak merancang masa untuk membuat tugas atau projek khas yang diberikan oleh guru dan sentiasa menyemak kerja sekolah anak. Selain itu, ibu bapa juga sering membantu/membimbing anak dalam mata pelajaran teras, elektif dan kemahiran manipulatif/pengurusan diri.

Kategori kepimpinan

Tahap ibu bapa memainkan peranan mereka dalam kepimpinan terhadap anak adalah sederhana tinggi. Rata-rata ibu bapa bersetuju bahawa pihak sekolah memberikan bimbingan kepada mereka cara untuk mengajar, membimbing dan melatih anak-anak menyertai pertandingan semasa PdPR. Mereka juga menjaga anak-anak dengan baik di rumah. Majoriti ibu bapa tidak begitu berani untuk menjadi seorang pemimpin dengan memikul tanggungjawab sebagai YDP/NYDP/AJK dalam organisasi PPKI.

Kategori kolaborasi dengan komuniti

Tahap ibu bapa melibatkan diri dalam kolaborasi dengan komuniti adalah tinggi. Majoriti ibu bapa bersetuju bahawa pihak sekolah melibatkan kerjasama mereka dalam menyediakan RPI anak-anak, pembangunan prasarana kelas PPKI dan program peningkatan akademik. Selain itu, ibu bapa bersetuju bahawa pihak sekolah menjalinkan hubungan yang mesra dan bekerjasama dengan baik, sentiasa membantu ibu bapa dan menganggap ibu bapa sebagai rakan baik.

Tahap penglibatan ibu bapa semasa PdPR

Dapatan menunjukkan bahawa tahap penglibatan ibu bapa murid berkeperluan khas dengan sekolah untuk 6 jenis kategori (keibubapaan, komunikasi, kesukarelawanan, pembelajaran di rumah, kepimpinan & kolaborasi dengan komuniti) secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi.

6. Kesimpulan

Penglibatan ibu bapa dalam PdPR di rumah murid berkeperluan khas pembelajaran dalam kajian ini berada pada tahap tinggi untuk 3 jenis penglibatan iaitu pembelajaran di rumah, keibubapaan dan kolaborasi dengan komuniti manakala 3 jenis penglibatan lagi iaitu komunikasi, kesukarelawanan dan kepimpinan berada pada tahap yang sederhana tinggi. Komunikasi sangat penting diantara guru dan ibu bapa bagi membolehkan mereka mengetahui sebarang masalah yang dialami oleh anak dan seterusnya menyertai dalam pendidikan anak dengan maksimum. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas adalah satu proses yang mesti disuburkan oleh guru-guru & ibu bapa. Peranan ibu bapa sangatlah penting kerana dengan adanya kerjasama yang erat dan hubungan yang baik diantara ibu bapa dengan guru, akan membawa kejayaan buat anak-anak mereka.

Rujukan

- Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh. (2011). Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 35-44.
- Abdul Hamid. (2017). *Kaedah penyelidikan & penulisan laporan projek tahun akhir*. Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Abidah Abd Rahman. (2014). Penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan rancangan pendidikan Individu (RPI) murid berkeperluan khas. Disertasi Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Asmawi Mat Salim & Khairul Farhah Khairuddin. (2020). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan Murid Berkeperluan Khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 265-282.
- Aida Hartini Mahmud & Zolkepli Haron. (2016). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah rendah. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/08-Aida-Hartini-Mahmud.pdf> [2 September 2021].
- Asyraf Ab Latif & Norazilawati Abdullah. (2016). Penilaian keberkesanan program sarana ibu bapa dalam meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran sains sekolah rendah dengan menggunakan model penilaian CIPP. *JPBU*, 1(1), 87-96.
- Azmi Shaari, Noor Hayati Che Harun & Tengku Noaswita Tengku Besar. (2002). Faktor yang mempengaruhi penglibatan penjaga di sekolah dan kesannya ke atas pencapaian akademik anak cacat penglihatan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 5(1), 15-26.
- Blackmon, D. (2008). *Transition to adult living: An information and resource guide*. California Services for Technical Assistance and Training (CaISTAT California Department of Education 2008).
- Irma Yanti Mahamud, Norlizah Che Hassan & Fathiyah Mohd Fakhrudin. (2018). Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah dan hubungannya dengan pencapaian akademik murid Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 5(1), 42-62.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2011). *Perkembangan kanak-kanak*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Rozita, T. (2020). *Kajian kes impak perintah kawalan pergerakan kepada penduduk Malaysia*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Suresh Kumar NVellymalay. (2011). Sikap dan tingkah laku remaja terhadap pembelajaran di sekolah: Satu kajian kes di rumah kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(2), 25-32.
- Suresh Kumar NVellymalay. (2016). Kerjasama pihak sekolah dan penglibatan ibu bapa India dalam pendidikan anak di sekolah kebangsaan. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31(1), 131-151.
- Zarina Abd Aziz & Safani Bari. (2015). Penglibatan ibu bapa di dalam Kelas Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran: Satu kajian kes. *International Seminar on Special Education For Southeast Asia Region*, 1-13.